

# Mahasiswa perlu bersama pelihara kedaulatan negara

UM 5.9.2013 81

KOTA KINABALU 4 Sept. - Segenap lapisan masyarakat termasuk golongan mahasiswa di negeri ini perlu bersama-sama menjaga dan memelihara keamanan serta kedaulatan negara yang telah sekian lama dikenali hasil kemerdekaan Malaysia.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, nikmat kemerdekaan amat besar nilai dan ertiannya kerana melambangkan kebebasan daripada cengkaman penjajah serta kedaulatan sebuah bangsa yang bermaruah.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua pihak, khususnya golongan mahasiswa supaya tidak terpengaruh dengan anasir-anasir yang cuba mengganggu-gugat keamanan dan kedaulatan negara.

"Dalam tempoh beberapa hari sahaja lagi kita akan meraikan Hari Malaysia yang jatuh pada 16 September dan pada tahun ini genaplah 50 tahun Sabah bersama-sama dengan Sarawak menyertai Malaysia.

"Saya percaya dalam jangkamasa yang begitu panjang, pelbagai pembangunan dan kemajuan telah dapat kita kecapa sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis lafaz ikrar dan akujanji mahasiswa baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor UMS di sini hari ini.



**MUSA Aman (depan) diliringi Dr. Mohd. Harun Abdullah (kiri) melambai tangan kepada mahasiswa baharu dalam majlis lafaz ikrar dan akujanji mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu, semalam.**

Yang turut hadir Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan pegawai-pegawai kanan serta pensyarah UMS.

Pada majlis itu, sebanyak 4,700 orang mahasiswa baharu UMS termasuk 137 pelajar antarabangsa telah melafazkan ikrar dan akujanji.

Menurut Musa, hasil kemerdekaan negara dan kemajuan yang dicapai, membolehkan taraf hidup rakyat di negeri ini meningkat lebih baik dari semasa ke semasa.

Tambahnya, kerajaan Barisan

Nasional (BN) yang mentadbir negara juga berupaya menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana moden bertaraf dunia untuk dinikmati oleh semua rakyat.

"Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita telah membangunkan negara ini dengan pelbagai program serta dasar yang dapat menjamin kemajuan dan pembangunan negara, sekali gus memelihara keharmonian hidup rakyat jelata," katanya.

Dalam pada itu, Musa berkata,

kewujudan UMS di negeri ini telah memberi impak positif dengan menjana satu transformasi pembangunan yang sangat pesat di Sabah.

"Sejak kewujudan UMS di Sabah, pembangunan dan kemajuan negeri ini bergerak seiring demi menampung keperluan-keperluan ekonomi dan sosial pelajar. Implikasi positifnya juga telah memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup serta ekonomi masyarakat sekitarnya," ujarnya.